# CARTA FUNGSI
## BAHAGIAN KEMAMPANAN BANDAR DAN PERSEKITARAN HIJAU
## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

**Ketua Setiausaha**

**Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan)**

**Setiausaha Bahagian (Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau)**

### Cawangan Dasar Kerajaan Tempatan

1) Mengkaji, menggubal, menilai dan menambahbaik akta berkaitan Kerajaan Tempatan iaitu:

(a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang merangkumi peruntukan mengenai tafsiran pentadbiran pihak berkuasa tempatan, pekerja pihak berkuasa tempatan, perjalanan urusan, kacau ganggu, akaun dan audit, peruntukan am kewangan, kacau, kebersihan, pasar, krematorium dan sebagainya; dan

(b) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang merangkumi peruntukan mengenai jalan, parit, bangunan, lorong belakang, pelbagai dan undang-undang kecil.

2) Mengkaji dan menggubal dasar/ peraturan/ pekeliling berkaitan dengan Kerajaan Tempatan.

3) Mengadakan sesi libat urus, mengurus dan melaksanakan isu-isu berkaitan yang melibatkan Kerajaan Negeri/ Kerajaan Tempatan/ kementerian/ agensi lain bagi kluster pengurusan Kerajaan Tempatan.

4) Mengurusetiakan dan menyelaras mesyuarat-mesyuarat bilateral/multilateral bersama kementerian/agensi bagi dasar berkaitan Kerajaan Tempatan.

5) Memastikan pelaksanaan dasar-dasar mengambil kira dasar-dasar utama negara dan kementerian termasuk SDGs, smart city, dan safe city.

6) Perkara-perkara berkaitan Jemaah Menteri:

(a) Menyelaras, menyediakan dan menyemak Kertas Jemaah Menteri/ maklum balas/ nota intervensi berkaitan Kerajaan Tempatan; dan

(b) Melaksanakan keputusan-keputusan dasar Jemaah Menteri yang melibatkan KPKT.

7) Mengurusetiakan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) dan Persidangan Tahunan PBT.

8) Menguruskan pembangunan data Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

9) Mengawal selia perancangan, pelaksanaan dan pemantau berkaitan Akta Tuan Rumah Inapan (ATRI)

### Cawangan Dasar Kemampanan Bandar

1) Menyelaras pelaporan penilaian dasar/ peraturan/ pekeliling / pelan tindakan yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta landskap seperti:

(a) Rancangan Fizikal Negara;
(b) Dasar Perbandaran Negara;
(c) Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara; dan
(d) Dasar Landskap Negara.

2) Menyelaras sesi libat urus dengan Kementerian/Agensi lain berkaitan bagi kluster perancangan bandar dan desa serta landskap.

3) Menghadiri mesyuarat atau menganggotai Jawatankuasa/ Kumpulan Kerja yang ditubuhkan oleh Kementerian/ Agensi lain dan menjalinkan kerjasama dengan pihak yang terlibat bagi kluster pengurusan perancangan bandar dan desa serta landskap.

4) Memastikan pelaksanaan dasar-dasar mengambil kira dasar-dasar utama Negara dan Kementerian termasuk SDGs, New Urban Agenda (NUA), smart city dan safe city.

5) Smart City

(a) Menyelaras dan memantau pelaksanaan Bandar Pintar di bawah Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia seperti berikut:
i. memantau pelaksanaan inisiatif bandar pintar di bandar perintis (Kulim, Kuching, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pengerang);
ii. meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pelaksanaan inisiatif bandar pintar oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui penganjuran program kesedaran seperti seminar dan bengkel berkaitan bandar pintar bersama pihak-pihak berkepentingan;
iii. menyelaras penubuhan tadbir urus bandar pintar peringkat nasional;
iv. mengurusetiakan Mesyuarat Eksekutif yang dipengerusikan oleh YB Menteri KPKT dan Mesyuarat Teknikal Bandar Pintar yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KPKT; dan
v. membuat pembentangan mengenai Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa.

6) Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek/program di bawah Memorandum Persefahaman di antara Malaysia dan MOLIT, Republik Korea bagi Kerjasama dalam Bidang Pembangunan Bandar Pintar.

7) Memberi ulasan dan input untuk kertas-kertas yang dibentangkan dalam mesyuarat berkaitan perancangan bandar seperti berikut:

(a) Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) PLANMalaysia;

(b) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) PLANMalaysia; dan

(c) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) PLANMalaysia.

8) Perkara-perkara berkaitan Jemaah Menteri:

(a) menyelaras, menyediakan dan menyemak Kertas Jemaah Menteri / maklum balas / nota intervensi berkaitan perancangan bandar dan desa serta landskap; dan

(b) melaksanakan keputusan-keputusan dasar Jemaah Menteri yang melibatkan KPKT.

9) Mengurusetiakan dan menyelaras mesyuarat-mesyuarat bilateral/multilateral bersama Kementerian/ Agensi bagi dasar yang berkaitan.

### Cawangan Dasar Ekonomi Kitaran

1) Mengkaji, menggubal, menilai dan menambahbaik akta berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu :

(a) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam. Akta 672 ini diterima pakai di 7 negeri iaitu Pahang, Kedah, Perlis, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Manakala bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

2) Mengkaji dan menggubal dasar/ peraturan/ pekeliling berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti Dasar Kebersihan Negara dan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

3) Mengadakan sesi libat urus, mengurus dan melaksanakan isu-isu berkaitan yang melibatkan Kerajaan Negeri/ Kerajaan Tempatan/ Kementerian/ Agensi lain bagi kluster pengurusan sisa pepejal.

4) Mengurusetiakan dan menyelaras mesyuarat-mesyuarat bilateral/multilateral bersama Kementerian/ Agensi bagi dasar berkaitan. Antaranya adalah seperti berikut:

(a) Mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Teknikal Pengurusan Sekerap Plastik; dan

(b) Mesyuarat bilateral antara KSU (KPKT-KASA).

5) Menyelaras urusan berkaitan dengan aktiviti dan mesyuarat bagi perkara seperti berikut:

(a) Malaysia International Centre for Sustainable Cities (MyICSC); dan

(b) projek GEF6 yang melibatkan KPKT.

6) Memastikan pelaksanaan dasar-dasar mengambil kira dasar-dasar utama Negara dan Kementerian termasuk SDGs, smart city dan safe city.

7) Memberi khidmat nasihat dalam proses perancangan dan penggubalan dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal, alam sekitar, sumber asli dan perubahan iklim.

8) Perkara-perkara berkaitan Jemaah Menteri:

(a) menyelaras, menyediakan dan menyemak Kertas Jemaah Menteri / maklum balas / nota intervensi terhadap kertas kerja/cadangan berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal, alam sekitar, sumber asli dan perubahan iklim; dan

(b) melaksanakan keputusan-keputusan dasar Jemaah Menteri yang melibatkan KPKT.

9) Menganggotai jawatankuasa ataupun kumpulan kerja dan menghadiri mesyuarat di agensi luar bagi pengurusan sisa pepejal, alam sekitar, sumber asli dan perubahan iklim termasuklah dengan perkara seperti berikut:

(a) Menyelaras dan menganggotai IAPG/TWG/FG RMK berkaitan alam sekitar.

10) Menyediakan standard, spesifikasi dan tata amalan yang berhubungan dengan mana-mana aspek perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

11) Menerajui Teras 4 Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan menjalankan tugas keurusetiaan Jawatankuasa Teknikal ANMS Teras 4: Memantapkan Kebersihan Persekitaran di Peringkat KPKT.

### Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan

1) Menguruskan hal berkaitan pentadbiran, perkhidmatan, latihan, program, kewangan dan logistik Bahagian.

2) Menyelaras dan menyelia Sistem HRMIS Bahagian.

3) Menyelaras urusan keurusetiaan mesyuarat anjuran Bahagian.

4) Memantau hal berkaitan keselamatan dan kebersihan pejabat.

5) Menyelaras sistem fail, rekod dan urusan surat-menyurat Bahagian.

6) Menyelaras dan memantau sistem pengurusan aset dan stor Bahagian.

7) Menyelaras pelaksanaan prosedur kualiti Bahagian.